

# 'Berhati-hati keluarkan kenyataan'

**TIMBALAN Menteri Dalam Negeri, Encik Abdul Rahim Thamby Chik, memberi amaran kepada pemimpin dalam kerajaan dan di luar supaya lebih berhati-hati dalam mengeluarkan kenyataan sehingga boleh menjejaskan keselamatan negara dan ketenteraman awam.**

"Saya tahu sejak akhir-akhir ini, ada pihak tertentu mengeluarkan kenyataan yang mengelirukan dan kadangkala kenyataan itu tidak tepat sehingga menimbulkan salah faham di kalangan rakyat," tegas beliau.

Beliau berkata, contohnya, dalam aspek per-ekonomian, apa yang menyedihkan kita ialah didapati banyak aspek mengenai ekonomi telah dipersoalkan oleh pihak tertentu dengan mengeluarkan kenyataan mengelirukan, tidak tepat dan tidak bertanggungjawab.

Menurut Encik Abdul Rahim, ada setengah pihak tertentu telah mengeluarkan kenyataan aspek ekonomi, kadangkala berdasarkan pendapat sendiri dan ini boleh menjejaskan keselamatan negara.

Beliau yang juga Ketua UMNO Bahagian Alor Gajah memberitahu demikian sewaktu berucap merasmikan kursus rohaniah dan kepimpinan Pergerakan Pemuda dan Wanita UMNO Bahagian Alor di Pekan Alor Gajah, 24 km dari sini, pagi ini.

Beliau berkata, ada tiga implikasi besar akibat perbuatan setengah pemimpin yang mengeluarkan kenyataan mengelirukan.

Encik Abdul Rahim memberitahu, implikasi pertama ialah kenyataan yang tidak bertanggungjawab dan mengelirukan ini akan memberi peluang kepada anasir

Oleh HALIM MAJID  
MELAKA, Sabtu

anti-nasional serta pihak yang bergerak secara diam-diam untuk menggulingkan kerajaan dengan memperbesar isu-isu yang dibawa oleh pemimpin yang tidak bertanggungjawab itu.

"Kenyataan tidak bertanggungjawab oleh setengah pemimpin ini, di samping memberi peluang kepada anasir-anasir anti-nasional, ia juga memberi kesan kurang baik kepada negara," kata beliau.

Encik Abdul Rahim berkata, implikasi kedua ialah kenyataan yang dikeluarkan itu, sekiranya tidak ada kebenarannya akan mengelirukan rakyat, terutama mereka yang hanya mengetahui secara kasar sesuatu keadaan.

"Ada setengah rakyat yang was-was mengenal sesuatu kenyataan dan segala kenyataan yang mengelirukan ini akan menarik perhatian dengan menimbulkan rasa kebencian di kalangan rakyat seperti ini terhadap kerajaan," tegasnya.

Encik Abdul Rahim

memberitahu, implikasi terakhir ialah kenyataan yang tidak bertanggungjawab dan mengelirukan ini akan mewujudkan imej yang begitu buruk kepada negara terutama di kalangan negara-negara luar.

Beliau mengingatkan para pemimpin sama ada dari dalam atau luar kerajaan supaya lebih berhati-hati dan bertanggungjawab apabila mengeluarkan sesuatu kenyataan kerana tanpa pertimbangan yang berhati-hati, akan merosakkan diri sendiri dan memberi peluang kepada pihak anti-nasional menggunakannya untuk mengelirukan rakyat hingga boleh menjejaskan keselamatan dan ketenteraman awam negara.

Turut hadir ialah Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan Awam, Encik Hussein Mahmud; Naib Ketua UMNO, Bahagian Alor Gajah, Encik Mohamad bin Jais yang juga ahli EXCO Kerajaan Negeri; dan Ketua Pergerakan Pemuda Bahagian itu, Encik Zin Abdul Ghani.